



## PERATURAN AM SUKAN MALAYSIA

### 1. NAMA

1.1 Kejohanan ini dinamakan “**SUKAN MALAYSIA IX, 2002**”.

### 2. PENGELOLAAN

2.1 SUKAN MALAYSIA ini dikelola oleh Majlis Sukan Negara Malaysia dengan kerjasama Majlis-Majlis Sukan Negeri, Majlis Sukan Polis DiRaja Malaysia, Majlis Sukan Universiti Malaysia, Majlis Olimpik Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan dan Pertubuhan Sukan yang tertentu termasuk pihak swasta.

2.2 Bagi maksud pengelolaan, Menteri Belia dan Sukan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Tertinggi yang bertanggungjawab berkenaan dengan perkara-perkara dasar, sebuah Jawatankuasa Pengelola yang membuat perancangan dan mengelolakan semua program dan aktiviti SUKAN MALAYSIA dan seterusnya Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil dengan tugas-tugas khas yang bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Pengelola. Majlis Sukan Negara Malaysia adalah Urusetia SUKMA MALAYSIA di peringkat pusat dan bertanggungjawab memastikan segala dasar dan keputusan Jawatankuasa Tertinggi dilaksanakan dengan kerjasama Jawatankuasa Pengelola serta Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil yang ditubuhkan.

### 3. JENIS SUKAN

3.1 Syarat kelayakan umur peserta mengikut jenis-jenis sukan ialah seperti berikut :-

<u>BIL.</u>	<u>JENIS SUKAN</u>	<u>KELAYAKAN UMUR</u>	<u>TARIKH KELAHIRAN</u>	<u>TARAF</u>
3.1.1	Angkat Berat	(L) B-21 Thn	1981 Dan Selepasnya	Wajib
3.1.2	Badminton	(L/W) B-21 Thn	1981 Dan Selepasnya	Wajib
3.1.3	Ten. Boling	(L/W) B-21 Thn	1981 Dan Selepasnya	Wajib
3.1.4	Gimnastik			
	Artistik	(L) B-18 Thn	Lahir Antara Thn 1984-1993	Wajib
	Artistik	(W) B-16 Thn	Lahir Antara Thn 1986-1994	Wajib
	Gimrama	(W) B-15 Thn	Lahir Antara Thn 1987-1993	Wajib
3.1.5	Golf	(L/W) B-21 Thn	1981 Dan Selepasnya	Wajib
3.1.6	Kapal Layar			
	(Optimist)	(L/W) B-15 Thn	1987 Dan Selepasnya	Wajib
3.1.7	Berbasikal	(L/W) B-21 Thn	1981 Dan Selepasnya	Wajib
3.1.8	Memamah	(L/W) B-21 Thn	1981 Dan Selepasnya	Wajib
3.1.9	Menembak	(L/W) B-21 Thn	1981 Dan Selepasnya	Wajib
3.1.10	Olahraga	(L/W) B-21 Thn	1981 Dan Selepasnya	Wajib
3.1.11	Renang	(L/W) B-21 Thn	1981 Dan Selepasnya	Wajib
	Terjun	(L/W) B-21 Thn	1981 Dan Selepasnya	Wajib
3.1.12	Skuasy	(L/W) B-21 Thn	1981 Dan Selepasnya	Wajib
3.1.13	Hoki	(L/W) B-21 Thn	1981 Dan Selepasnya	Wajib
3.1.14	Sepak Takraw	(L) B-21 Thn	1981 Dan Selepasnya	Wajib
3.1.15	Lawn Bowls	B-21 Thn	1981 Dan Selepasnya	Pilihan
3.1.16	Tinju	B-21 Thn	Lahir antara thn 1981- 5 Sept. 1985	Pilihan
3.1.17	Bola Jaring	(W) B-21 Thn	1981 Dan Selepasnya	Pilihan
3.1.18	Bola Sepak	(L) B-21 Thn	1981 Dan Selepasnya	Pilihan
3.1.19	Taekwando	B-21 Thn	Lahir antara thn 1981- 5 Sept. 1986	Pilihan
3.1.20	Bola Keranjang	B-21 Thn	1981 Dan Selepasnya	Pilihan
3.1.21	Tenis	B-21 Thn	1981 Dan Selepasnya	Pilihan
3.1.22	Pencak Silat	B-21 Thn	Lahir antara thn 1981- 5 Sept. 1985	Pilihan
3.1.23	Ping Pong	B-21 Thn	1981 Dan Selepasnya	Pilihan
3.1.24	Karate	B-21 Thn	Lahir antara thn 1981- 5 Sept. 1985 (komite)	Pilihan
		B-21 Thn	Lahir antara thn 1981- 5 Sept. 1986 (kata)	Pilihan
3.1.25	Wushu	B-21 Thn	1981 Dan selepasnya	Pilihan
3.1.26	Judo	B-21 Thn	1981 Dan selepasnya	Pilihan
3.1.27	Lawan Pedang	B-21 Thn	1981 Dan selepasnya	Pilihan

### 4. SYARAT PENYERTAAN

4.1 Hanya Warganegara Malaysia sahaja yang layak menyertai SUKAN MALAYSIA kecuali dipersetujui oleh Jawatankuasa Tertinggi sebagai peserta / pasukan jempunan.

- 4.2 SUKAN MALAYSIA ini terbuka kepada pasukan Negeri-Negeri, Polis DiRaja Malaysia dan Majlis Sukan Universiti serta Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia dan Negara Brunei Darus Salam sebagai kontinjen jemputan.
- 4.3 Syarat umur peserta adalah seperti dalam para 3.1.
- 4.4 Tiap-tiap jenis sukan atau disiplin yang ditetapkan hanya akan dipertandingkan apabila disertai oleh sekurang-kurangnya 8 kontinjen.
- 4.5 Setiap acara dalam satu jenis sukan tidak akan dipertandingkan jika disertai oleh kurang dari 8 kontinjen. Bagaimanapun bagi acara sukan yang mempunyai kategori atau kelas mengikut beratan penyertaan minima 6 negeri dibenarkan untuk dipertandingkan bagi 2 acara beratan yang tertinggi.
- 4.6 Syarat kelayakan penyertaan atlet-atlet yang pernah mewakili negara di pertandingan antarabangsa peringkat senior/junior tetapi masih lagi berada di dalam kumpulan umur yang ditetapkan ialah seperti berikut :-
- i. Bagi acara berpasukan (seperti hoki dan bola sepak) sesuatu pasukan tidak boleh mendaftarkan lebih daripada tiga ( 3 ) orang pemain kebangsaan.
  - ii. Bagi semua acara perseorangan, seseorang atlet negara tidak dibenarkan untuk menyertai lebih daripada tiga ( 3 ) acara perseorangan dan dua acara berpasukan / relay sahaja (seperti olahraga dan renang)
  - iii. Bagi sukan yang mempunyai acara perseorangan, beregu, beregu campuran dan berpasukan, seseorang pemain hanya dibenarkan mengambil dua acara sahaja (seperti badminton, tenis, ping pong, skuasy).
- 4.7 Tiap-tiap negeri atau kontinjen dikehendaki mengemukakan borang penyertaan mengikut jenis sukan kepada pihak Pengelola tidak lewat daripada 15 Januari 2002 Borang penyertaan hendaklah disertakan dengan WANG CENKERAM sebanyak RM 300.00 bagi tiap-tiap jenis sukan atau tiap-tiap pasukan. Penyertaan yang tidak disertakan dengan wang cengkeram adalah tidak sah dan tidak akan didaftarkan sebagai peserta.

- 4.8 Jawatankuasa Pengelola hendaklah memaklumkan kepada semua kontinjen negeri jumlah bilangan pasukan, jenis sukan dan disiplin yang akan dipertandingkan secara terperinci setelah menyemak senarai pendaftaran selewat-lewatnya 15 Februari 2002.
- 4.9 Borang-borang penyertaan yang lengkap dengan nama peserta dan lain-lain maklumat yang diperlukan hendaklah dikemukakan oleh negeri atau kontingen kepada pihak pengelola tidak lewat daripada 1 Julai 2002. Pertukaran peserta boleh dibuat semasa mesyuarat Pengurus-Pengurus Pasukan sebelum sukan bermula.

## 5. BILANGAN PEGAWAI/PESERTA

- 5.1 Bilangan pegawai dan peserta mengikut jenis-jenis sukan ialah seperti berikut :-

<u>SUKAN</u>	<u>PENGURUS PASUKAN</u>	<u>JURULatih</u>	<u>PENGADIL</u>	<u>PEMAIN</u>	<u>JUMLAH</u>
Angkat Berat	1	2	1	18	22
Badminton (L)	1	1	1	6	9
Badminton (W)	-	1	-	6	7
Tenpin Boling (L)	1	1	-	4	6
Tenpin Boling (W)	-	1	-	4	5
G. Artistik (L)	1	1	1	6	9
G. Artistik (W)	1	1	1	6	9
Gimrama (W)	1	1	1	4	7
Golf (L)	1	1	-	4	6
Golf (W)	-	1	-	3	4
Perahu Layar (Optimist)	1	1	1	5	8
Berbasikal (L)	1	2	-	12	15
Berbasikal (W)	-	1	-	12	13
Memanah (L)	1	1	1	4	7
Memanah (W)	-	1	-	4	5
Menembak (L)	1	2	1	21	25
Menembak (W)	-	2	-	15	17
Olahraga (L)	1	2	-	40	43
Olahraga (W)	-	2	-	40	42
Renang (L)	1	1	1	10	13
Renang (W)	-	1	-	10	11
Terjun (L)	1	1	1	6	9
Terjun (W)	-	1	1	6	8
Skuasy (L)	1	1	1	4	7

<u>SUKAN</u>	<u>PENGURUS PASUKAN</u>	<u>JURULATIH</u>	<u>PENGADIL</u>	<u>PEMAIN</u>	<u>JUMLAH</u>
Skuasy (W)	-	1	-	4	5
Hoki (L)	1	1	1	16	19
Hoki (W)	1	1	-	16	18
S.Takraw (L)	1	1	1	12	15
Lawn Bowls (L)	1	1	1	6	9
Lawn Bowls (W)	-	1	-	6	7
Tinju (L)	1	2	1	12	16
B.Jaring (W)	1	1	1	10	13
B.Sepak (L)	2	2	-	18	22
Taekwando (L)	1	1	1	8	11
Taekwando (W)	-	1	-	8	9
B/Keranjang (L)	1	1	1	12	15
B/Keranjang (W)	-	1	-	12	13
Tenis (L)	1	1	1	5	8
Tenis (W)	-	1	-	5	6
Pencak Silat (L)	1	2	2	13	18
			(1 silat seni)		
Pencak Silat (W)	-	1	-	8	9
Ping Pong (L)	1	1	1	5	8
Ping Pong (W)	-	1	-	5	6
Karate-Do (L)	1	1	1	10	13
Karate-Do (W)	-	1	-	7	8
Wushu (L)	1	1	1	6	9
Wushu (W)	-	1	-	6	7
Judo (L)	1	1	1	7	10
Judo (W)	-	1	-	7	8
Lawan Pedang (L)	1	1	1	6	9
Lawan Pedang (W)	-	1	-	6	7
Urusetia Kontinjen	5	-	-	-	5
Ketua Kontinjen	1	-	-	-	1
<b>JUMLAH :</b>	<b>38</b>	<b>60</b>	<b>27</b>	<b>486</b>	<b>611</b>

5.2 Bagi jenis sukan yang mempunyai acara lelaki dan wanita dan di mana kontinjen tidak menamakan jurulatih atau pengurus pasukan wanita, kontinjen berkenaan bolehlah mendaftarkan seorang Cheperon. Walau bagaimanapun segala perbelanjaan makan dan penginapan Cheperon berkenaan hendaklah ditanggung oleh negeri / kontinjen masing-masing.

- 5.3 Sekiranya pertandingan untuk satu jenis sukan diadakan di tempat yang berasingan, pasukan dibenarkan untuk membawa seorang jurulatih tambahan dan kedudukannya adalah setaraf dengan anggota kontinjen yang lain.

## **6. PENDAFTARAN**

- 6.1 Tiap-tiap kontinjen bagi tiap-tiap jenis sukan hendaklah mendaftarkan nama-nama pegawai dan peserta masing-masing kepada Jawatankuasa Pengelola melalui Majlis Sukan Negeri, Angkatan Tentera, Polis dan Majlis Sukan Universiti Malaysia.
- 6.2 Setiap peserta yang didaftarkan untuk menyertai SUKAN MALAYSIA ini dikenakan bayaran RM 20.00 seorang dan pembayaran hendaklah dibuat semasa pendaftaran.

## **7. KAWALAN PERUBATAN**

- 7.1 Semua peserta dalam sesuatu jenis sukan sekiranya diwajibkan oleh Persatuan Sukan Kebangsaan / Antarabangsa adalah dikehendaki menjalani ujian perubatan. Para peserta hendaklah mengemukakan Sijil atau Surat Pengakuan Doktor kepada Jawatankuasa Pertandingan. Pemeriksaan hendaklah dibuat di tempat masing-masing sebelum datang ke pertandingan.
- 7.2 Ujian doping akan dijalankan secara rambang ke atas atlet setiap kali SUKAN MALAYSIA dikelolakan.

## **8. KAWALAN KEWANITAAN**

- 8.1 Semua peserta wanita jika diwajibkan oleh Persatuan Sukan Kebangsaan maka hendaklah disahkan kewanitaan mereka oleh Doktor Perubatan masing-masing di Borang Penyertaan mereka.

## **9. PERATURAN TEKNIK/CORAK PERTANDINGAN**

- 9.1 Majlis Sukan Negara Malaysia melalui perundingan dengan Persatuan Sukan Kebangsaan berkenaan akan menetapkan corak pertandingan bagi tiap-tiap jenis sukan yang akan dipertandingkan dalam SUKAN MALAYSIA ini.
- 9.2 Semua jenis sukan / acara akan dikelolakan selaras dengan Peraturan Badan Kawalan Sukan Antarabangsa yang berkenaan. Jika terdapat percanggahan dari segi pentafsiran, maka pengertian sahlah akan dirujuk kepada peraturan dalam Bahasa Inggeris.
- 9.3 Semua pertandingan bagi tiap-tiap jenis sukan hendaklah selesai dipertandingkan mengikut tempoh SUKAN MALAYSIA seperti yang ditetapkan perkara 10.1 atau pada tempoh yang dipersetujui oleh pihak Jawatankuasa Pengelola.
- 9.4 Penetapan bilangan kumpulan bagi tiap-tiap jenis sukan akan dibuat mengikut amalan Persatuan Sukan Kebangsaan atau Persekutuan Sukan Antarabangsa masing-masing.
- 9.5 Bagi jenis sukan yang mengandungi acara berpasukan dan perseorangan, hanya dua (2) orang pemain terbaik sahaja didaftarkan mengambil bahagian dalam pertandingan perseorangan. Bagaimanapun bagi jenis-jenis sukan tertentu yang mengambilkira kombinasi mata/skor individu bagi menentu kedudukan pasukan boleh didaftarkan mengikut jumlah yang ditetapkan di dalam peraturan pertandingan sukan masing-masing.
- 9.6 Bagaimanapun corak pertandingan masih boleh diubahsuai untuk setiap jenis sukan berdasarkan kepada keadaan-keadaan tertentu dan ini adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Tetap SUKAN MALAYSIA.

## **10. TEMPOH PENGELOLAAN / JADUAL PERLAWANAN**

- 10.1 **SUKAN MALAYSIA IX** akan diadakan pada tahun 2002. Tempoh rasmi pengelolaan untuk SUKAN MALAYSIA IX ialah 10 hari. Walau bagaimanapun atas sebab-sebab tertentu Jawatankuasa Pengelola boleh memulakan pertandingan bagi jenis-jenis sukan tertentu beberapa hari sebelum hari perasmian SUKAN MALAYSIA.
- 10.2 Semua jadual perlawanan bagi semua jenis sukan termasuk tarikh, masa dan tempat akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola. Bagaimanapun bagi jenis-jenis sukan tertentu yang mengambilkira kombinasi mata/skor individu bagi menentu kedudukan pasukan boleh didaftarkan mengikut jumlah yang ditetapkan di dalam peraturan pertandingan sukan masing-masing.

## **11. PENANGGUHAN**

- 11.1 Tarikh, masa dan tempat perlawanan yang telah ditetapkan / jadualkan sama sekali tidak boleh diminta tangguh atau diubah oleh pasukan-pasukan yang mengambil bahagian.
- 11.2 Jawatankuasa Pengelola adalah mempunyai kuasa mutlak untuk menangguh atau mengubah sesuatu perlawanan dengan diberitahu terlebih dahulu atau diputuskan dengan serta merta.
- 11.3 Mana-mana perlawanan yang ditangguhkan menurut para 10.2 di atas, maka Jawatankuasa Teknik bagi sukan berkenaan hendaklah menetapkan semula perlawanan yang ditangguhkan itu.

## **12. KEMUDAHAN**

- 12.1 Jawatankuasa Pengelola akan bertanggungjawab untuk menyediakan semua kemudahan yang berkaitan dengan pelaksanaan SUKAN MALAYSIA seperti penginapan, makan minum, peralatan pertandingan dan pengangkutan.

- 12.2 Pakaian seragam, peralatan peserta, seperti jersey, kasut, reket, basikal dan sebagainya adalah menjadi tanggungjawab kontingen masing-masing.
- 12.3 Jawatankuasa Pengelola hendaklah mengemukakan senarai kemudahan / tempat pertandingan dan senarai peralatan sukan yang akan digunakan untuk tujuan pertandingan kepada Majlis Sukan Negara untuk mendapat pengesahan daripada Persatuan Sukan Kebangsaan masing-masing jika Ketua Delegasi Teknikal belum lagi dilantik.

### **13. GANTIRUGI**

- 13.1 Majlis Sukan Negara Malaysia, Jawatankuasa Tertinggi, Jawatankuasa Pengelola, Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil dan Pegawai-Pegawai yang dilantik oleh mereka tidak bertanggungjawab atas sebarang kemalangan atau kecelakaan yang mungkin berlaku kepada mana-mana peserta dan pegawai semasa SUKAN MALAYSIA ini berlangsung termasuk perjalanan rumah / tempat pertandingan / rumah.

### **14. PENGURUS PERTANDINGAN DAN DELEGAT TEKNIKAL**

- 14.1 Persatuan Sukan Kebangsaan bagi tiap-tiap jenis sukan yang dipertandingkan hendaklah melantik dengan rasminya seorang Pegurus Pertandingan daripada Persatuan Sukan Negeri yang menjadi tuan rumah. Pegurus Pertandingan adalah bertanggungjawab untuk menentukan segala persiapan Teknikal dan Pertandingan disediakan dan dilaksanakan mengikut Peraturan Tetap dan Peraturan Am serta panduan-panduan yang ditetapkan oleh Persatuan Sukan Kebangsaan masing-masing dengan kerjasama Jawatankuasa Pengelola.
- 14.2 Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan bagi tiap-tiap jenis sukan adalah bertanggungjawab melantik seorang Ketua Delegat Teknikal, Delegat-Delegat Teknikal dan Pegawai-Pegawai Teknikal bagi sukan masing-masing. Tanggungjawab Teknikal/Ketua Delegat Teknikal ialah seperti berikut :-
- i) Melantik pegawai-pegawai teknikal dan pengadil / hakim setelah berbincang dengan Persatuan Sukan Negeri masing-masing dan Majlis Sukan Negara.

- ii) Melawat dan mengesahkan tempat-tempat pertandingan supaya sesuai digunakan untuk Pertandingan SUKAN MALAYSIA.
  - iii) Menyemak dan mengesahkan jadual-jadual pertandingan yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola setelah berbincang dengan Persatuan Sukan Kebangsaan masing-masing.
  - iv) Menentukan semua pertandingan dijalankan mengikut peraturan / jadual pertandingan yang telah ditetapkan.
  - v) Menentukan giliran tugas pegawai-pegawai teknikal seperti pengadil / hakim yang dilantik di bawah para 14.2 (i).
- 14.3 Ketua Delegat Teknikal hendaklah mengemukakan laporan bersama-sama dengan laporan pengadil atau hakim mengenai peserta atau pegawai pasukan yang telah digantung daripada menyertai satu atau kesemua pertandingan bagi sukan berkenaan semasa SUKAN MALAYSIA dijalankan kepada Persatuan Sukan Kebangsaan masing-masing untuk tindakan selanjutnya.

## **15. JURI RAYUAN TERTINGGI**

- 15.1 Jawatankuasa Tertinggi atau Jawatankuasa Pengelola ialah Juri Rayuan Tertinggi akan membuat keputusan muktamad berkenaan dengan masalah-masalah berhubung dengan Kejohanan SUKAN MALAYSIA. Ketua kontingen atau wakilnya boleh mengemukakan soalan-soalan kepada juri ini. Selain daripada itu, juri ini boleh mencampuri dalam semua perkara termasuk hal-hal yang berkaitan dengan teknikal.
- 15.2 Jawatankuasa Pengelola hendaklah melantik Juri Rayuan bagi tiap-tiap jenis sukan yang dipertandingkan.

## **16. RAYUAN/BANTAHAN**

- 16.1 Sebarang rayuan atau bantahan mengenai sesuatu perkara boleh dibuat oleh Ketua Kontinjen / Pengurus Pasukan secara bertulis kepada Juri Rayuan Tertinggi dalam tempoh tidak lebih dari dua jam selepas tamat sesuatu perlawanan dengan disertakan wang tunai sebanyak RM 200.00 (Ringgit Malaysia : DUA RATUS sahaja) sebagai wang pertaruhan.
- 16.2 Sekiranya rayuan atau bantahan itu munasabah dan diterima oleh Juri Rayuan, maka pertaruhan itu dikembalikan dan satu keputusan akan dibuat berhubung dengan rayuan dan bantahan itu.
- 16.3 Wang Pertaruhan itu akan hilang dan menjadi pendapatan kepada SUKAN MALAYSIA sekiranya rayuan atau bantahan itu didapati tidak munasabah.

## **17. HADIAH-HADIAH**

- 17.1 Hadiah-hadiah untuk SUKAN MALAYSIA akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola seperti berikut :-
  - 17.1.1 Pingat-pingat emas, perak dan gangsa untuk pemenang-pemenang pertama, kedua dan ketiga. Butir-butir lengkap adalah seperti di dalam para 14.3 Peraturan Tetap SUKAN MALAYSIA.

## **18. KEWANGAN**

- 18.1 Kewangan SUKAN MALAYSIA IX kecuali perbelanjaan yang ditanggung oleh Majlis Sukan Negara akan ditadbirkan oleh Jawatankuasa Pengelola. Penyata akaun hendaklah disiapkan tidak lewat daripada 6 bulan selepas tarikh akhir sukan tersebut untuk diperiksa dan diluluskan oleh Jawatankuasa Tertinggi SUKAN MALAYSIA.

## **19. TAMBANG**

19.1 Setiap Majlis Sukan yang terlibat bertanggungjawab menanggung semua kos tambang pegawai / atlet masing-masing. Bagaimanapun, Majlis Sukan Negara akan memberikan subsidi tambang penerbangan peserta / pegawai bagi semua wakil kontingen negeri, MASUM, MSSM dan PDRM sebanyak 50% daripada kos sebenar.

## **20. PERKARA AM**

20.1 Jawatankuasa Pengelola dan Jawatankuasa Tetap berkuasa mengambil sesuatu keputusan kepada sebarang perkara yang berbangkit yang tidak tercatat dalam Peraturan Am.

20.2 Segala keputusan yang diambil oleh Jawatankuasa Pengelola atau Jawatankuasa Tetap adalah muktamad.

20.3 Sebarang keputusan yang dibuat semasa Mesyuarat Pengurus-Pengurus Pasukan bagi setiap jenis sukan adalah muktamad dan tidak boleh dibantah asalkan ia tidak bercanggah dengan Peraturan Tetap dan Peraturan Am SUKAN MALAYSIA serta keputusan Jawatankuasa Tertinggi.

20.4 Segala bantahan mengenai kesahihan status peserta tidak boleh dibuat oleh mana-mana pihak setelah diterima dan disahkan oleh Jawatankuasa Tetap.

20.5 Wang Cengkeram tidak akan dikembalikan sekiranya pasukan yang telah didaftarkan terlebih dahulu menarik diri dari mengambil bahagian.

20.6 Jawatankuasa Pengelola juga mempunyai kuasa mutlak memeriksa kelayakan peserta-peserta yang didaftarkan pada bila-bila masa. Sekiranya terdapat peserta yang tidak layak menyertai sukan ini, seperti yang tercatat di dalam Peraturan Am ini dan Peraturan Pertandingan tindakan berikut akan diambil :-

- i) Pembatalan dari sukan itu. Jika peserta itu mewakili pasukan, pasukan itu akan dibatalkan dan jika peserta itu mengambil bahagian di dalam acara individu, beliau akan dibatalkan. Jika pasukan / individu yang dibatalkan memenangi pingat, kemenangan tersebut akan dibatalkan.

- ii) Pembatalan menurut (i) di atas akan menyebabkan segala perbelanjaan pasukan / individu ditarik balik dengan serta merta jika perbelanjaan telah dikenakan kepada pasukan / individu itu, Majlis Sukan berkenaan dikehendaki membuat pembayaran balik kepada jumlah tersebut kepada Jawatankuasa Pengelola.
- 20.7 Atlet-atlet yang berkhidmat dengan ATM dan PDRM serta pelajar yang sedang menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi yang bergabung dengan MASUM tidak boleh mewakili mana-mana kontingen / negeri kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada ATM, PDRM dan MASUM mengikut mana-mana yang berkenaan.
- 20.8 Atlet-atlet yang mewakili negeri dalam Kejohanan Kebangsaan yang dianjurkan oleh Persatuan Sukan Kebangsaan atau Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia dan melanjutkan pelajaran ke Pusat-Pusat Pengajian Tinggi yang bergabung dengan MASUM boleh terus mewakili negeri dengan syarat atlet berkenaan hendaklah melanjutkan pelajaran di Pusat Pengajian Tinggi pada tahun SUKAN MALAYSIA itu dikelolakan.
- 20.9 Atlet-atlet yang sedang menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi yang mendapat tajaan daripada Kerajaan negeri hendaklah dibenarkan mewakili negeri yang menaja mereka.
- 20.10 Atlet yang mewakili kontinjen MSSM hendaklah terdiri daripada pelajar Sekolah Sukan Bukit Jalil Kuala Lumpur dan Sekolah Sukan Bandar Penawar, Johor atau mana-mana sekolah sukan yang ditubuhkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada masa akan datang. Bagi kontinjen negeri yang ingin menggunakan khidmat pelajar-pelajar Sekolah Sukan, hendaklah memaklumpkannya kepada pentadbiran sekolah berkenaan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum tarikh Sukan Malaysia bermula. Pelajar-pelajar Sekolah Sukan hanya dibenarkan mewakili negeri asal masing-masing sahaja.

20.11 Atlet-atlet yang hendak mewakili negeri lain dikenakan syarat bermastautin sekurang-kurangnya 2 tahun sebelum layak mewakili negeri berkenaan. Atlet-atlet yang ingin mewakili negeri lain disebabkan perpindahan ibu bapa, perpindahan tempat kerja atas arahan majikan ataupun mendapat tawaran kerja dikenakan syarat bermastautin sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebelum layak mewakili negeri berkenaan. Taraf bermastautin bermaksud, atlet-atlet yang mewakili negeri yang berkenaan di pertandingan kebangsaan yang dianjurkan oleh Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) atau MSSM hanya boleh mewakili negeri lain selepas dua (2) tahun. Selepas tamat tempoh mengikut syarat yang ditetapkan pengesahan peserta berkenaan perlu diperolehi mengikut kaedah yang digunakan oleh PSK yang berkaitan. Perkara 20.9 adalah tertakluk kepada peraturan ini.

## **MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA**

